

24 AUG 1998

NERP-PRAKATA/I

MALAYSIA BERAZAM TANGANI KRISIS SECARA BERDEPAN, KATGA DAIM

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Malaysia berazam akan menghadapi krisis ekonomi sekarang secara berdepan, menjangka dan menangani masalah-masalah mendatang dan mengambil langkah-langkah proaktif bagi pemulihan ekonomi yang segera, kata Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin.

"Bukan semuanya di bawah kawalan kita, tetapi di bidang-bidang yang kita boleh tangani, kita berazam untuk melakukan sebaik-baiknya," katanya di dalam prakata yang diterbitkan di dalam Rancangan Pemulihan Ekonomi Negara (NERP), satu rangka kerja lengkap bagi pemulihan ekonomi negara.

Sambil berkata bahawa jawapan Malaysia mengenai bagaimana menangani krisis ekonomi sekarang dijadikan lebih kompleks kerana sifatnya yang serantau, tambahnya bahawa rakyat Malaysia tidak harus sedih kerana pemulihan ekonomi akan menjelma.

Daim yang juga pengarah eksekutif Majlis Tindakan ekonomi Negara (MTEN), menambah kata bahawa negara sedang berusaha ke arah pemulihan dan bahawa asas yang padu sedang diperkukuhkan bertujuan untuk membina pertumbuhan ekonomi Malaysia masa depan.

Sambil berkata bahawa keadaan ekonomi sekarang bukanlah seperti setahun lalu sebelum krisis itu, katanya adalah tugas setiap orang dan setiap rakyat Malaysia untuk bersatu dan bekerjasama bagi pelaksanaan NERP yang berjaya.

Melalui pelbagai pembaharuan yang dikuat kuasakan, Daim berkata bahawa Malaysia akan kembali ke arah pertumbuhan ekonominya dan tampil ke depan dengan tenaga diperbaharui, memandangkan kestabilan politik dan perpaduan yang dinikmati oleh negara di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya penyediaan Pelan Pemulihan itu telah dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi dengan kerjasama Kumpulan Kerja MTEN, dan telah memberi manfaat yang besar daripada sumbangan yang tidak ternilai daripada anggota-anggota Jawatankuasa Eksekutif dan Majlis MTEN.

Pelan Pemulihan itu menumpukan kepada enam matlamat, iaitu untuk menstabilkan ringgit, mengembalikan keyakinan pasaran, mengekalkan kestabilan pasaran kewangan, memperkukuhkan asas-asas ekonomi, meneruskan ekuiti dan agensi sosio ekonomi dan memulihkan sektor-sektor yang terjejas teruk.

Setiap daripada objektif-objektif itu disokong oleh pelbagai panduan tindakan dan langkah-langkah diperakukan. -- BERNAMA

SHO DVS OS